

FASAL KETIGA

PENERIMAAN

Sejuaatu tawaran yang dibuat oleh pihak penawar sama-sama sekalii tidak akan mewujudkan apa-apa kontrak sehingga hal berlakunya penerimaan dari pihak yang kepadanya tawaran ditujukan.

Kedudukan perkara ini adalah jelas di dalam undang-undang Islam dan undang-undang kontrak.

3.1 : Definasi Penerimaan menurut undang-undang Islam dan undang-undang kontrak Malaysia.

Menurut fikrah Hanafiah, penerimaan diertikan sebagai "apa-apa penyataan yang dikeluarkan oleh pihak yang kedua (متأخر) di antara pihak-pihak yang berkontrak di mana penyataan itu menunjukkan permufakatan dirinya (امداده وارضا) dan kerelaannya dengan apa yang ditetapkan oleh pihak yang pertama (pihak penawar).¹

Manakala Ahmad Farraj Hussein pula mendefinasikan penerimaan sebagai "Apa-apa ucapan (كلام) ataupun perbuatan (فعل) yang dikeluarkan oleh pihak yang kedua di antara pihak-pihak yang berkontrak sebagai jawapan terhadap penawaran yang ditujukan kepadanya ketika berkontrak".²

definasi-definasi yang dinyatakan ini adalah berdasarkan pendapat tukahak Hanafiah. Nampaknya terdapat beberapa unsur penting bagi sesuatu penerimaan menurut mereka iaitu:

- a) Ianya mestilah merupakan kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak yang kedua (*الثانية*) di antara pihak-pihak yang berkontrak.
- b) Kenyataan tersebut mestilah menunjukkan persetujuan dan kerelaan dengan apa yang ditetapkan oleh pihak penawar;
- c) mestilah adanya niat untuk berkontrak ataupun dengan kata-kata lain penyataan itu mestilah dinyatakan sebagai jawapan kepada tawaran.

Bagaimanapun takrif penerimaan ini adalah agak berbeza dengan apa yang kemukakan oleh golongan jumhur tukahak. Menurut mereka, penerimaan diertikan sebagai apa-apa penyataan yang dikeluarkan oleh pihak yang akan menerima milik (*الملوك*) di dalam sesuatu kontrak ".³

Bagi golongan jumhur, kedudukan pihak manakah yang mula menyatakan kehendaknya untuk berkontrak adalah tidak penting. Apa yang pentingnya ialah kedudukan pihak yang manakah yang akan "menerima milik" di dalam sesuatu kontrak maka kenyataan pihak tersebut dikira sebagai penerimaan. Ini memaklumkan bahawa penyataan persetujuan

seorang pembeli di dalam kontrak jual beli akan sentiasa dianggap sebagai penerimaan kerana kedudukannya sebagai penerima milik.

Definisi Penerimaan menurut undang-undang kontrak Malaysia.

Menurut seksen 2(b) undang-undang kontrak Malaysia, mengikut tawaran itu dianggap telah diterima " apabila orang yang kepadaanya tawaran itu ditujukan menyatakan persetujuannya dengan tawaran tersebut "

Sekgen tersebut juga menyatakan bahawa " bilamana mengikut tawaran itu diterima, maka penerimaan tersebut menyebabkan tawaran itu menjadi satu janji "

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai definisi "penerimaan", di sini dikemukakan beberapa pendapat ahli-ahli perundangan Inggeris.

Menurut G. H. Treitel, penerimaan adalah diertikan sebagai suatu penyataan yang muktamad (final expression) mengenai persetujuan terhadap ketentuan-ketentuan yang terdapat di dalam tawaran.⁴

Manakala menurut Anson pula, penerimaan adalah didefinisikan sebagai suatu penyataan, samada secara perkataan atau perbuatan, akan persetujuan seseorang itu

terhadap ketentuan-ketentuan yang terdapat di dalam tawaran dan penyataan itu dilakukan secara yang diintipakan oleh pihak yang membuat tawaran.

apa yang jelasnya berdasarkan definisi-definasi ini. Apa yang dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sesuatu penerimaan itu tentulah merupakan suatu penyataan yang muktamad mengenai persetujuan pihak penerima terhadap segala ketentuan-ketentuan yang terdapat di dalam tawaran.

Nampaknya terdapat dua unsur yang penting bagi penerimaan iaitu:

- a) wujudnya penyataan yang muktamad dari penerima; dan
- b) persetujuan sepenuhnya terhadap ketentuan-ketentuan yang terdapat di dalam tawaran.

Sebagaimana rumusannya bolehlah dinyatakan bahawa konsep penerimaan yang dikehendaki oleh undang-undang kontrak mempunyai persamaan yang jelas dengan konsep penerimaan

القبول, di bawah perundangan Islam.

3.2 : SYARAT-SYARAT PENERIMAAN

Menurut perundangan Islam, sesuatu penerimaan kepada tawaran hanya dikira sah dan mewujudkan kontrak bilamana ia hanya memenuhi syarat-syarat berikut:

Penerimaan bersifat bersamaan dengan tawaran

Jadi bermakna sesuatu penerimaan itu mestilah merupakan permuaraikan dan persetujuan sepenuhnya dengan apa yang terkandung di dalam tawaran. Seandainya sesuatu penerimaan itu tidak menepati dengan apa yang ditetapkan oleh pihak penawar didalam tawarannya, ataupun hanya menepati sebahagian dari apa yang terdapat di dalam tawaran, maka penerimaan seperti ini dikira tidak sah dan dianggap sebagai penolakan kepada tawaran.

Menurut perundangan Islam, sesuatu penerimaan kepada tawaran boleh dilihat dalam dua bentuk iaitu samada:

- a) secara terang dan jelas (*جَلِيلٌ*) ataupun
- b) secara yang dapat diahami dari keadaan
أَيْمَانٌ

Penerimaan secara terang berlaku apabila pihak penerima menyatakan secara jelas akan persetujuannya dengan segala sesuatu yang ditetapkan oleh pihak penawar dengan tidak membuat sebarang perubahan terhadap kandungan tawaran.

Sebagai misalannya ialah seperti seorang penjual (penawar) berkata kepada pelanggannya "Saya menjual kereta ini dengan harga 25.000" lalu dijawab oleh pelanggannya "Saya terima dengan harga tersebut". Maka penerimaan seperti ini adalah bersifat jelas dan nyata.

manakala penerimaan seperti dimini buka berjatuhi di lamanan
pihak penerima menyatakan persetujuannya kepada sesuatu
tawaran dengan membuat sesuatu perubahan yang secara
selepasnya membawa keuntungan yang lebih kepada pihak
penerima.

Sebagaimisalannya ialah seperti seorang penjual
menawarkan barang jualannya dengan harga 50.00 tetapi
diterima oleh pihak pembeli dengan menyatakan bahawa
beliau sanggup membeli barang tersebut dengan harga
40.00.

Manakala penerimaan seperti ini dikira mewujudkan kontrak
kerana penetapan harga yang lebih tinggi oleh pihak
penerima telah menggambarkan persetujuan dirinya
terhadap tawaran itu.¹⁰

Walnugagaimanapun menurut Muhammad Yusof Musa, di dalam
situasi seperti ini harga yang wajib dibayar oleh pihak
pembeli di sisi undang2 adalah tetap harga penjualan
yang asal iaitu 50.00¹¹

Kedudukan perkara ini di bawah akta kontrak Malaysia.

Nampaknya undang-undang kontrak juga mensvaratkan bahawa
sesuatu penerimaan itu mestilah bersamaan secara
sepenuhnya dengan tawaran.

sebagaimana ita) menjelaskan bahwa suatu penerimaan itu mestilah mutlak dan tidak bersyarat.

Adalah ini memaklumkan bahawa suatu penerimaan itu mestilah bersifat penerimaan dan perputusan terhadap suatu perkara yang termaktub di dalam tawaran.¹²

ini bermakna seseorang penerima tidak boleh hanya menerima bahagian-bahagian yang tertentu sahaja daripada tawaran dan menolak bahagian-bahagian yang lain. Sekiranya keadaan ini berlaku maka ia pun dianggap sebagai tawaran balas dan pastinya tidak akan mengikat seorang penawar.¹³ Kecuali sekiranya pitak penawar tersebut mengikut dengan perubahan-perubahan yang berlaku maka adalah kontrak.¹⁴

Dalam menyaskan prinsip ini Atiyah berkata: "suatu penerimaan yang bertujuan untuk menambah atau mengubah beberapa ketetapan yang termaktub di dalam tawaran adalah pada hakikatnya bukan suatu penerimaan tawaran balas seperti ini boleh dianggap sebagai tawaran balas."¹⁵

Untuk penerimaan mestilah beriringan dengan tawaran di dalam maius kontrak.

Para-para rukuhak Islam telah sepakat menyatakan bahawa suatu penerimaan kepada tawaran itu mestilah berlaku

Secara beriringan **اب قرأت** dengan tawaran di dalam mailis kontrak.¹⁶

Jika memaklumkan bahawa scandainya penerimaan dibuat secara "tidak beriringan dengan tawaran" dan tidak pula dibuat di dalam mailis kontrak, maka penerimaan adalah tidak sah dan tidaklah mewujudkan apa-apa kontrak.

Apakah yang menjadi perselisihan di kalangan fukahak-
fukahak Islam ialah mengenai apakah yang dimaksudkan
dengan "penerimaan mestilah beriringan dengan
tawaran".¹⁷

Menurut fukahak Syafeiah, yang dimaksudkan dengan
beriringan ialah penerimaan hendaklah dibuat dengan
serta-merta (فوري), dan tidak diselangi oleh apa-
apa perkara yang tidak berkaitan sebaik sahaja pihak
penawar menyatakan tawarannya.

Ini bermakna scandainya pihak penerima melewati-lewatkan
penyataan penerimaannya (tidak dengan serta-merta) maka
tidaklah wujud kontrak.¹⁸

Fukahak Syafei berhujiyah dengan menyatakan bahawa
keadaan tawaran adalah merupakan penyataan dari pihak
penawar dan ia yang terhenti bilamana penyataan itu telah
dilahirkan. Maka penerimaan mestilah dibuat secara
segera dan serta-merta bagi mewujudkan keadaan
"beriringan" di antara tawaran dan penerimaan.¹⁹

apa yang nyatainya menurut pemikir pendapat yang dipegang oleh golongan Syarie ini adak bersifat sempit dan menimbulkan kepayahan kepada pihak-pihak yang berkontrak, terutamanya kepada pihak penerima yang lazimnya memerlukan sedikit masa untuk berfikir sebelum menerima keadaan seperti ini angak tidak begitu bergesunian dengan ruh Syariat Islam yang inginkan keadilan dan kemudahan di dalam sistem muamalahnya.²⁰

Manakala menurut golongan Jumhur tukahak pula, sesuatu penerimaan itu tidak semestinya perlu dibuat secara perlawanta lanya boleh dibuat selama-sana majlis kontrak belum berakhir. Ini bermakna bahawa yang dimaksudkan dengan "penerimaan mestilah beriringan dengan tawaran" menurut jumhur ialah penerimaan mestilah dibuat sebelum berakhirknya majlis kontrak. Pihak penerima boleh sahaja melewatkkan penyataan penerimaannya selama-sana majlis kontrak belum berakhir.²¹

Golongan jumhur berhujah dengan menyatakan bahawa pihak yang mana tawaran ditujukan kepadanya sudah semestinya memerlukan masa untuk berfikir sebelum penerimaan atau perpajakan dibuat. Ini bermakna sepadainya pihak penerima mendapati bahawa di dalam penerimaannya itu terdapat kebaikan bagi dirinya, maka sudah pasti dia akan menerima dan begitulah sebaliknya.

apa yang nyatainya ialah wujudnya masa yang munsabah
iaitu masa mailis kontrak bagi kedua-dua pihak untuk
berdiskir sebelum menyempurnakan kontrak sudah pastinya
merupakan satu halan yang baik dan adil untuk memelihara
طراحة) Kepentingan pihak penawar dan pihak
penerima. 22

Pandapat ini amat bersesuaian dengan kaedah fikhiyyah yang
terkenal iaitu:

الرِّفْعُ بِالْمَكَانِ

maksudnya: Kemudarat itu mestilah ditolak sekadar yang
terimpuh.

Kedudukan perkara ini di bawah undang-undang kontrak
Malaysia.

Meskipun di dalam akta kontrak Malaysia tidak dinyatakan
secara khusus bahawa sesuatu penerimaan itu mestilah
mengiringi tawaran (seperti mana halnya di bawah
perundangan Islam) dan tidak pula dinyatakan bahawa
penerimaan mestilah dibuat di dalam mailis kontrak,
tetapi di dalam seksyen 6 (b) akta kontrak ada menyatakan
bahawa sesuatu cadangan (tawaran) adalah dibatalkan
dengan luputnya waktu yang ditetapkan dalam cadangan itu

menkenai penerimaannya yang membawa erti bahawa sesuatu penerimaan itu mestilah dibuat sebelum berakhirnya masa tawaran yang dilengkap oleh pihak penawar.

Beri sini bolehlah dikatakan bahawa sesuatu penerimaan mestilah dibuat sebelum berakhirnya majlis kontrak sebaikaimana kedudukannya di bawah perundangan Islam.²³

penerimaan mestilah dilacomunikasikan kepada pihak penawar

Secara umumnya di dalam undang-undang Islam sesuatu penerimaan itu mestilah disampaikan ke pengetahuan pihak penawar dan dikala itu barulah penerimaan tersebut dikira sah dan efektif di sisi undang-undang.

Kedudukan prinsip ini adalah jelas di bawah perundangan Islam kerana Islam menganggap sesuatu kontrak itu sebagai satu ikatan dan pertalian kehendak

أَهْلَابْرَادِ، antara pihak-pihak yang berkontrak.²⁴ Maka asas kepada ikatan kehendak ini adalah pengetahuan mengenai kewujudan tawaran dan penerimaan oleh pihak-pihak yang berkontrak. Ini memaklumkan bahawa sesuatu penerimaan yang dibuat mestilah disampaikan ke pengetahuan pihak penawar bagi mewujudkan kontrak.²⁵

Kedudukan prinsip ini juga terdapat di dalam undang-undang kontrak. Sebagaimana yang telah dinyatakan di bawah rasai Takrif penerimaan iaitu berdasarkan Seksyen 2 (b) seseorang yang menerima sesuatu tawaran mestilah menyatakan persetujuannya terhadap tawaran yang diterimanya.

Ungkapan "menyatakan persetujuannya" mengertikan bahawa sesuatu tindakan penerimaan yang positif daripada pihak penerima mestilah wujud. Ini bermakna sesuatu tawaran tidak boleh diterima dengan hanya berniat di dalam fikiran.

Manakala di dalam seksen 7(1b) pula menyatakan bahawa sesuatu penerimaan itu mestilah dinyatakan secara biasa dan munasabah.

Seksyen ini juga dengan jelasnya menunjukkan bahawa sesuatu penerimaan itu mestilah dinyatakan dan dimaklumkan oleh pihak penerima kepada pihak penawar. Di dalam satu kata-kata Shah J. di dalam kes Bhagwandas lawan Grindhari Lal²⁶ beliau menyatakan :

sesuatu perjanjian itu tidak boleh beriaku semata-mata melalui apa yang terfikir dan terniat melalui fikiran seperti berniat untuk menerima tawaran. Malah sesuatu penyataan yang bersifat zahir dan nyata mengenai niat

persebut mestilah diliahirkan samada melalui ucapan, atau tulisan ataupun secara perbuatan.

Manakala seorang ahli perundangan inggeris yang terkenal Atiyah pula menelaaskan bahawa adalah suatu keperluan dengan kemestian (essential) bahawa sesuatu penerimaan kepada tawaran itu dikomunikasikan kepada pihak penawar, dan ini memaklumkan bahawa sesuatu kontrak itu tidak akan wujud sehingga lah pihak penawar diberitahu mengenai penerimaan itu. Penerimaan melalui niat di fikiran semata-mata adalah sia-sia.²⁷

Pengecualian daripada kaedah umum

Walaupun telah dijelaskan bahawa mengkomunikasikan penerimaan kepada pihak penawar adalah satu keperluan dalam berkontrak, namun demikian di sana masih terdapat beberapa keadaan di mana komunikasi penerimaan itu bukanlah satu kemestian dan boleh diketepikan.

Di dalam perundangan Islam keadaan ini boleh dilihat berlaku di dalam kontrak al Ja'alah.²⁸

Di dalam kontrak al Ja'alah, sekiranya seseorang itu membuat tawaran secara umum (kepada dunia umum) untuk memberikan sesuatu hadiah atau upah kepada sesiapa yang

dapat melaksanakan tugas-tugas tertentu. maka sesiapa yang ingin menerima tawaran ini boleh sahaja menerima tawaran tersebut secara melaksanakan apa yang dikehendaki oleh pihak penawar dengan tidak perlu memberitahu bahawa dia berniat untuk menerima tawaran itu.²⁹

Kedudukan perkara ini tentulah logik dan munasabah kerana kontrak al-Ja'alah di dalam keadaan-keadaan tertentu adalah bersifat tawaran kepada dunia umum dan orang rama³⁰ dan sudan tentunya agak mustahil sekiranya setiap orang perlu memberitahu mengenai penerimaan mereka.

Netika menjelaskan perkara ini, Sheikh Khatib al-Sharbini telah menyatakan bahawa di dalam kontrak al-Ja'alah ini tidaklah disyaratkan kepada sesiapa yang menerima tawaran itu menyatakan penerimaannya secara lisan. (komunikasi penerimaan). Ini adalah kerana pensyaratan yang demikian itu adalah agak mustahil dan tidak praktikal.³⁰

Atas dasar ini juga para fukahak Islam memandang bahawa adalah tidak perlu di dalam kontrak al-Ja'alah ini pihak penerima dan pihak penawar hadir di suatu tempat yang sama bagi mewujudkan perjanjian mereka.³¹

Pengecualian kepada kaedah umum ini nampaknya diperkatakan juga oleh undang-undang kontrak.

Menurut Anson, bagi kontrak-kontrak seperti ini (kontrak yang tidak memerlukan komunikasi penerimaan) perlulah wujudnya dua unsur iaitu:

i) Keadaan tawaran yang dibuat oleh pihak penawar itu mestilah telah menunjukkan, samada secara jelas ataupun sekuar yang boleh ditahami, akan niat pihak penawar bahawa penunaian syarat-syarat tertentu telah memadai untuk dikira sebagai penerimaan.

ii) Mestilah adanya sesuatu tindakan dan perlaksanaan dari pihak penerima yang menepati kehendak pihak penawar sebagai bukti niatnya untuk menerima tawaran.³²

Sebagai misalan kepada kontrak jenis ini adalah seperti seseorang yang mengiklankan kepada dunia umum bahawa ganjaran akan dibayar kepada sesiapa yang dapat mengembalikan anjingnya yang hilang.

Maka dalam kes seperti ini adalah memadai bagi sesiapa yang dapat mengembalikan anjing tersebut dianggap telah menerima tawaran itu dan berhak dengan hadiah yang ditawarkan meskipun orang tersebut tidak memberitahu mengenai penerimaannya.

satu kes yang boleh menelaaskan prinsip ini ialah kes Inggeris Carlill lawan Carbolic Smoke Ball³³ di mana di dalam kes ini pihak defenden (pihak terdakwa) telah mengiklankan bahawa mereka sedia menawarkan \$100 kepada sesiapa yang masih dijangkiti demam selesma setelah menggunakan sejenis ubat dalam tempoh tertentu.

Plaintif telah memakai ubat tersebut tetapi masih lagi dijangkiti penyakit itu. Plaintiff kemudiannya menuntut tawaran tersebut.

dalam kes ini pihak defenden telah berhujah dengan mengatakan bahawa plaintiff sepautunya telah memberitahu mereka (mengkomunikasikan penerimaan) terlebih dahulu akan penerimaan kepada tawaran mereka bagi melayakkan dirinya memperolehi tawaran itu.

Hujah ini telah ditolak oleh mahkamah dengan memutuskan bahawa penunaian dari pihak plaintiff telah memadai bagi menjadikan penerimaan, kalsu itulah niat penawar.

Bowen L. J. menyatakan bahawa:

memandangkan bahawa pemberitahuan mengenai penerimaan diperlukan bagi faedah orang yang membuat tawaran tetapi orang yang membuat tawaran masih boleh mengeneppikan keperluan pemberitahuan kepada dirinya jika

intikirkannya sesuai berbuat demikian... dan jika orang yang membuat tawaran itu membayangkan secara nyata agam termaklum dalam tawarannya bahawa memadai lah dengan bertindak atas tawaran itu tanpa perlu dikomunikasikan penerimaan kepada dirinya. maka penunaian syarat itu adalah penerimaan yang memadai tanpa perlu diberitahu.

Satu lagi bentuk kontrak yang boleh mengenepikan keperluan komunikasi penerimaan (yakni penerimaan tidak perlu diberitahu) adalah di dalam kes-kes di mana jika orang yang kepadanya tawaran ditujukan telah menerima maka balasan untuk janji berbalas yang ditawarkan dengan sesuatu tawaran.

Sebagai misalannya, sekiranya pihak A mengirimkan cek bernilai \$500 kepada B dengan membuat tawaran bahawa cek tersebut akan menjadi milik bagi B (balasan bagi B) sekiranya B bersetuju menjualkan motosikalnya. Maka B diajgap sebagai menerima tawaran itu sekiranya dia menukarkan cek itu, walaupun penerimaannya tidak dikomunikasikan kepada A.

Apakah jelasnya berdasarkan huraian-huraian tadi ialah di bawah undang-undang kontrak, kadang-kala sifat dan keadaan sesuatu tawaran itu dengan sendirinya telah

menunjukkan bahawa komunikasi penerimaan boleh diketepikan. Ini bermakna penunaian syarat-syarat tertentu telah memadai untuk dikira sebagai penerimaan kepada tawaran. Dengan adanya sesuatu tindakan dan perlaksanaan dari pihak penerima, maka ia juga telah menjadi bukti akan matinya untuk menerima tawaran.

3.3 : BENTUK-BENTUK KOMUNIKASI PENERIMAAN

a) Secara lisan

seperti mana yang telah dijelaskan bahawa sebagai kaedah amnya sesuatu penerimaan kepada tawaran mestilah dikomunikasikan kepada pihak penawar bagi mewujudkan suatu kontrak yang sah. Dan pada masa yang sama, penerimaan mestilah beriringan dengan tawaran sebelum beraknirnya mailis kontrak.

b) dalam rasai penawaran telahpun dijelaskan bahawa menurut perundangan Islam, sifahan kontrak secara lisan dianggap sebagai metod yang asal (أصل), dan paling jelas untuk melainkan kehendak seseorang untuk berkontrak. Ini bermakna di dalam komunikasi penerimaan berkontrak. Ini bermakna di dalam komunikasi penerimaan juga penggunaan lisan (بيه), seperti seseorang itu berkata "Saya menerima tawaran kamu", seseorang itu dianggap sebagai metod yang asal dan paling jelas untuk

menunjukkan perpaduan seseorang untuk menerima tawaran.

Kedudukan perkara ini tentulah jelas kerana melahirkan kehendak secara lisan pada kebiasaannya, tidak menimbulkan sebarang kesamaran dan kecaburan untuk menunjukkan niat seseorang.

Dr. Mahmood Bilal Mahran berkata

Para-para rukahak telah bersepakat menyatakan bahawa semua jenis kontrak dan akad adalah sah dikomunikasikan melalui lisan (بِاللِّسَان) kerana lisan dianggap sebagai metod yang asal untuk melahirkan kehendak yang tersembunyi di hati. Ada pun metod-metod yang lain. Maka ianya hanyalah sebagai pengganti (بدائل).
Kepada penggunaan lisan:

B. Secara bersurat.

Komunikasi penerimaan secara bersurat atau pun secara pos yang ingin dibincangkan di sini ialah mengenai kontrak-kontrak yang berlaku di antara pihak-pihak yang berlauhan (بين الطرفين) ataupun kontrak secara bersurat.

Dalam kes-kes kontrak secara bersurat, ahli-ahli perundangan Islam dan ahli-ahli perundangan Moden telah berselisih pendapat mengenai hilakah masanya sesuatu

KOMUNIKASI PENERIMAAN ILMU DIKIRA ISHLAKAR DAN MEDAKAT
pihak penawar atau pun dengan bahasa lain bilakah manusia
sesuatu penerimaan ilmu dikira sah dan berwujudkan
kontrak.

(a) dalam persoalan ini terdapat empat teori yang telah
diakumulakan:

i) Teori Menyatakan Penerimaan

اعلان القبول

Teori ini menyatakan bahawa sesuatu komunikasi penerimaan itu dikira lengkap sebaik sahaja pihak yang sepadiannya tawaran ditujukan memaklumkan penerimaannya setelah selesai membaca surat tawaran. Berdasarkan teori ini sesuatu penerimaan yang sah itu mestilah dilakukan segera serta-merta bila selesai membaca surat tawaran kerana menurut mereka, majlis kontrak dikira berjalan bermula saat pihak penerima membaca surat tawaran.

Berasarkan teori ini kita memerhatikan bahawa sesuatu komunikasi penerimaan dikira lengkap dalam keadaan dimana:

a) surat jawapan kepada tawaran belum pun dikirimkan kepada pihak penawar; dan

b) pihak penawar tidak pula mengetahui mengenai penerimaan yang berlaku.

Ini bermakna pihak yang membuat tawaran adalah terikat dengan penerimaan yang dibuat sekalipun dia tidak

• [View Details](#) • [Edit Details](#) • [Delete Record](#) • [Print](#)

1. 1990-1991 2. 1991-1992 3. 1992-1993 4. 1993-1994

Copyrighted. Do not distribute without permission.

محلس حُراًه ارسانه

... dalam masa berjalannya majlis kontrak menurut zakatik
agama Islam. 38

Menurut pendapat penulis antara kelemahan yang nyata dan ketidakadilan di dalam teori ini ialah sesuatu penerimaan yang berjalan itu telah mewujudkan kontrak sedangkan pihak lawan belum diberitahu mengenai penerimaan itu.³⁹

Peori Melakukan Urusan Penerimaan.

نَهْدِيرَاتِيَّوْل

Berikut ini beranggapan bahwa sesuatu penerimaan itu dikira lengkap apabila komunikasi penerimaan adalah dalam perjalanan kepada pihak penawar dan di luar kuasa pihak penerima pulsa untuk menariknya kembali. Bentuknya adalah seperti penerimaan yang telah diposkan melalui peti surat atau pun pejabat pos. 40

اسلام القبول

Teori ini menyatakan bahwa ketika komunikasi penerimaan itu dikira lengkap oleh sang penerima pesanannya yang dipesan oleh pihak penjual, sampai ke alamat pihak pembeli. Menurut teori ini, komunikasi penerimaan dikira lengkap dan wujudkan kontrak sekalipun pihak penawar belum mengetahui mengenai penyampaian surat itu.

Yang pentingnya menurut teori ini ialah surat penerimaan itu mestilah telah tiba ke alamat penawar sejak ketika itulah berlakunya kontrak.³¹

Terikat ini memaklumkan bahawa seandainya surat penerimaan yang dikirimkan itu hilang di dalam perjalanan, maka kontrak tidak boleh diwujudkan dan pihak penawar adalah tidak terikat. Berbeza dengan teori kedua (تصریح القبول), yang memaklumkan bahawa pihak penawar adalah terikat walaupun mungkin surat penerimaan yang dikirimkan hilang di dalam perjalanan.

العلم بالقبول

adalah untuk menyatakan bahwa ia adalah seorang pengaruh yang
dapat mengakibatkan efek pada pelajaran dan pengetahuan
dan aktivititik dan labuan pada pendidikan. Pihak
manajer ini berharap pihak perwakilan bantua meriksa
kualitas dia mengetahui mengenai pengetahuan yang
diperlukan.

seperti pendekong teori ini, disebabkan kontrak itu merupakan ikatan dan persepakatan antara dua kehendak

(التوافق بين ابلا رادين) maka ikatan dan persetujuan

permakuk itu adalah tidak sempurna sehingga pihak penawar telah mengetahui mengenainya.⁴²

demikianlah empat bentuk teori yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli perundangan Islam dan Modern.

...and the other two were the same as the first, except that they had been cut in the middle.

hal-subagaaimana pun , bagi diri penulis . teori yang
keempat iaitu "Teori Pengetahuan Mengenai Penerimaan"
merupakan teori yang lebih adil dan munasabah untuk
kepentingan ke semua pihak-pihak yang berkcontrak.
terutamanya bagi pihak penawar.

Teori yang berpakaian dengan undang-undang kontrak Malaysia

Dalam bawah undang-undang kontrak Malaysia, teori yang berpakaian adalah teori Melakukan atau penerimaan merupakan teori yang berpakaian di negara ini.

Pernaknian teori ini telah dinyatakan di dalam seksyen 4(2)(a) akta kontrak yang menyatakan bahawa :

KOMUNIKASI PENERIMAAN adalah lengkap terhadap sepadang bilamana komunikasi penerimaan itu adalah dalam perjalanan kepada siapa dan hal ini di luar kuasa penerima pulak.

Seksyen ini memaklumkan bahawa pihak penawar adalah berikat walaupun sebenarnya dia tidak mengetahui mengenai penerimaan itu tetapi dengan syarat pihak penerima telah menghantar surat penerimaannya sehingga di luar kuasa beliau untuk membriknya kembali. Seperti surat penerimaan yang telah diletakkan di dalam peti kurut.

Menurut undang-undang kontrak juga, pihak penawar akan berikat oleh penerimaan secara pos walaupun jika surat atau telegram penerimaan terlewat tiba atau hilang dalam perjalanan.

MENGAMAN PRINCIPLE POS - LEGALITY LAW - DETERMINED BY THE LAW

Entores Ltd. Lawan Miles Far East Corporation

Apabila suatu kontrak dibuat melalui pos, undang-
undang dalam semua negeri Common Law amatlah jelas
bahawa penerimaan adalah lengkap sejurus selepas surat
itu dimasukkan ke dalam pergi surat dan itulah tempatnya
kontrak telah dibuat.

Manakala di dalam satu kes tempatan iaitu Ignatius Lam
beli adalah contoh penggunaan prinsip ini.

di dalam kes ini pihak plaintif telah menuntut
perlaksanaan spesifik (khas) mengenai perjanjian opsyen
yang membolehkan beliau membuat pilihan membeli hak-hak
defenden ke atas sebidang tanah.

Opsiene tersebut sepatutnya dipergunakan pada atau
sebelum 20 Ogos 1912. Kedua-dua pihak bermaksud
menggunakan perkhidmatan pos untuk berkomunikasi.

Plaintif telah menghantar notis penerimaannya melalui
surat berdaftar pada 16 Ogos 1912 (yakni masa tawaran
masih terbuka) tetapi surat penerimaan itu tidak sampai
ke defenden (pihak penerima) sehingga petang 25 Ogos
kerana defenden tiada di rumah. (yakni surat tersebut
tiba pada tarikh tawaran telah pun berakhir).

Mahkamah Rayuan, dengan menggunakan sekseen empat telah
memutuskan bahawa opsyen tersebut telah dipergunakan
oleh plaintif (yakni pembelian plaintif adalah sah)

ketepuh surat penerimaan yang telah ditulih pada 16 Augos
dan di saat itu lah pada tarikh tersebut terbentuknya
kontrak. 44

(d) Menurut Cara Yang Dilaksanakan.

adakalanya di dalam sesuatu tawaran piak penawar telah
menetapkan cara-cara bagsimanakah tawaran tersebut
seharusnya diterima. Staupun dengan bahasa lain
bagaimanakah komunikasi penerimaan seharusnya dilakukan.

kekiranya perkara ini dinyatakan di dalam sesuatu
tawaran . maka menjadi kewajipan piak penerima untuk
mengkomunikasikan penerimaannya menurut cara yang
ditetapkan agar penerimaannya elektrif di sisi undang-
undang.

nilian kedudukannya di bawah undang-undang kontrak
Malaysia. Seksyen 7 (b) Akta Kontrak Malaysia menielaskan
bahawa:

Untuk menjadikan sesuatu tawaran itu sebagai suatu
janji, maka penerimaan itu mestilah :
(i) dinyatakan secara biasa dan munasabah , melainkan
jika cadangan itu menetapkan cara penerimaannya, dan
penerimaan itu tidak dibuat menurut cara yang ditetapkan
itu maka pencadang dalam tempoh yang munasabah

penerimaan penerimaan itu. Jika pihak penawar kepalanya boleh menegaskan bahawa tawaran itu hendaklah diterima menurut cara yang telah ditetapkan dan tidak sebaliknya tetapi jika ia mungkir berbuat demikian maka ia adalah menerima penerimaan itu.

Seksen ini menjeaskan bahawa sekiranya pihak yang membuat tawaran menelakkan cara penerimannya maka penerimaan mestilah dibuat menurut cara yang ditetapkan. Walaubagaimana pun seandainya pihak penerima membuat penerimaan dengan cara dan metod yang lain , maka seadaan yang demikian bukalah dengan sendirinya membatalkan penerimaan itu tetapi adalah menjadi tunggungjawab pihak penawar di dalam masa yang munasabah , menegaskan kepada pihak penerima bahawa penerimaan mestilah dibuat menurut cara yang ditetapkan sekiranya pihak penawar tidak menegaskan hal yang demikian , maka dia dikira telah terikat dengan penerimaan itu. (yakni penerimaan itu menjadi sah di sisi undang-undang)

Perkara ini jelas dinyatakan melalui ungkapan: "Jika ia (pihak penawar) mungkir berbuat demikian maka ia adalah menerima penerimaan itu". Apa yang jelasnya berdasarkan sekseen ini ialah walaupun kadangkala pihak penawar menetapkan cara penerimannya,

uraya ianya bukanlah mutlak. Penerimaan menjadi cara yang lain boleh menjadi sifat di sisi undang-undang KOUYAK Malaysia dan ianya berlaku walaupun pihak penawar berlakam diri dengan sifat penerimaan tersebut.

Kedudukan perkara ini pastinya agak berlainan dengan prinsip perundangan Islam kerana menurut undang-undang Islam, sesuatu penerimaan itu mestilah menepati segala kehendak-kehendak dan ketentuan yang ditetapkan oleh pihak pihak penawar. Ini memaklumkan bahawa seandainya pihak penawar menetapkan kaedah penerimaannya, maka kaedah tersebut mestilah diikuti sepenuhnya bagi menjadikan penerimaan itu sah.

Dr. Abdul Fattah berkata:

Sesuatu penerimaan itu mestilah menepati sepenuhnya tawaran iaitu setiap ketentuan-ketentuan yang termaktub di dalamnya dengan tidak ada pengecualian.⁴⁵

B) Penerimaan Secara Perbuatan dan Tindakan.

Seperintama yang telah dijelaskan di dalam pasal tersebut bahawa sesuatu komunikasi penawaran itu boleh berlaku secara perbuatan, maka begitulah juga kedudukannya mengenai komunikasi penerimaan di mana

nya, boleh dibuat secara pertubuhan iaitu apa yang dipanggil sebagai kontrak Al Mu'aathon di bawah perundangan Islam.⁴⁶

Sebagaimisalannya seperti yang dikemukakan oleh Sheikh Muhammad Kashid Redha, misalnya seseorang yang menyerahkan pakaianya kepada tukang pencuci pakaian, ataupun tukang pencelup, ataupun tukang suterika lalu pakaian-pakaian tersebut diambil dan dibuat seperti yang dikehendaki, maka perbuatan tersebut sudah cukup untuk dikira sebagai penerimaan dan mewujudkan kontrak Upah (عَدَاءٌ لِحَارَةٌ), walaupun tidak wujudnya penawaran dan penerimaan secara jelas.⁴⁷

Antara misalan yang lain ialah seperti di dalam kontrak pinjaman (عَدَاءٌ لِحَارَةٌ) iaitu sekiranya seseorang itu berkata kepada rakannya "Saya akan meminjamkan harta saya ini kepada kamu" atau pun "Saya akan memberinya kepada kamu sebagai pinjaman" lalu rakannya itu mengambil harta tersebut dan menggunakannya tanpa melarazkan sebarang kata-kata, maka perbuatannya itu dianggap sebagai penerimaan yang mewujudkan kontrak pinjaman.⁴⁸

an Sayyid Sabik berkata:

Kontrak pinjaman boleh diwujudkan melalui apa-apa cara yang menunjukkan kepadanya samada melalui lisan ataupun secara perbuatan.⁴⁸

Segitu juga di dalam kontrak ferwakilan.

عَهْد الْوَكَاْلَةِ penerimaan boleh berlaku melalui sindakan dan perbuatan. Sebagai misalannya, sekiranya seseorang itu berkata kepada rakannya Saya ingin mewakilkan kamu untuk melakukan perkara-perkara tertentu, lalu pihak penerima tersebut terus mengaksanakan seperti apa yang dikehendaki dengan memberikan jawapan secara lafaz, maka tindakannya ini dikira sah untuk mewujudkan kontrak Wakaallah.⁴⁹

Kedudukan perkara ini juga adalah serupa dengan prinsip undang-undang kontrak Malaysia.

Sekson 1(2) akta kontrak menjelaskan bahawa penerimaan kepada tawaran adalah boleh dibuat melalui mana-mana perbuatan ataupun ketinggalan perbuatan. Manakala breitel di dalam bukunya telah berkata:

sesuatu tawaran boleh diterima melalui perbuatan tetapi perbuatan itu hanya dikira efektif sekiranya pihak penerima melakukannya dengan niat untuk menerima tawaran.⁵⁰ Sebagai misalannya, sekiranya si A membuat tawaran kepada Syarikat B untuk membeli barang-barang keluarannya, maka tawaran oleh si A boleh diterima oleh

B. tetapi hanya mengirimkan barang barang yang dimintanya.⁵²

Untuk lagi misalan yang lain sekiranya A membuat tawaran kepada B untuk menjual sesuatu barang di mana A mengirimkan barang itu kepada B maka B dianggap telah menerima tawaran itu sekiranya dia menggunakan barang yang dikirimkan itu.⁵³

Tetapi di dalam kes-kes penerimaan secara perbuatan, pihak penerima untuk menerima tawaran melalui perbuatannya dan pada masa yang sama perbuatannya itu tidak menimbulkan sebarang syak mengenai niatnya adalah sesuatu yang teramat penting dan kedudukan perkara ini adalah sama sahaja di bawah perundangan Islam dan undang-undang kontrak Malaysia.

E. Penerimaan secara berdiam diri

Menurut undang-undang Islam, perbuatan mendiamkan diri di dalam keadaan-keadaan tertentu adalah sesuai untuk dianggap sebagai suatu penerimaan oleh pihak penerima.⁵⁴ Ini bermakna ianya masih boleh dibajikan sebagai wasilah bagi melahirkan keinginan seseorang. Kontrak yang berlaku secara berdiam diri dari satu pihak ini diistilahkan oleh perundangan Islam sebagai kontrak secara "Lisan Al Hal".⁵⁵ لسان الحال

Mengenai kedudukan perkara ini, Dr. Sutji Mahesaeni
ialah berkata:

Dalam Syariat Islam, terdapat keadaan-keadaan di
mana seorang itu tidak seharusnya berdiam diri, malah
dia perlulah berkata sesuatu untuk menyatakan
pendiriannya. (Samada menerima ataupun menolak)
Sekiranya dia bersikap berdiam diri, maka sikap berdiam
dirinya itu dianggap sebagai satu pengakuan (أقرار) dan
penerimaan dimni (لبيك يعنى) darinya.⁵⁶

Atas dasar ini maka kadang kala sesuatu kontrak boleh
berlaku dengan wujudnya tawaran dari pihak penawar dan
sikap berdiam diri dari pihak penerima.⁵⁷

Datu contoh yang lazim dikemukakan oleh ahli-ahli
perundangan Islam ialah seperti kontrak Wadi'ah⁵⁸
di mana sekiranya si A meninggalkan sesuatu barangannya
yang berharga di tempat B lalu beredar dan B yang
melihat keadaan itu tidak pula menegah si A dari
meletakkan barangannya itu ... tidak pula menyatakan
bahawa beliau tidak bertanggungjawab di atas keselamatan
barang tersebut. maka sikap si B yang berdiam diri itu
sejalan mewujudkan kontrak Wadi'ah dan beliau secara
automatiknya bertanggungjawab di atas keselamatan
barang A itu.

begitu juga di dalam kontrak jualbeli di mana kadang-kala perbuatan berdiam diri itu dianggap sebagai penerimaan. Sebagai misalnya, sekiranya pihak pembeli menyatakan harga bawang sebatas bawang yang ingin dibelinya lalu mengambil barang tersebut dan pihak penjual yang melihat keadaan ini hanya bersikap berdiam diri, maka keadaan kontrak jualbeli seperti ini adalah dikira sah kerana perbuatan penjual tersebut yang berdiam diri dikira sebagai penerimaan darinya.⁵⁸

Datu misalan yang lain adalah seperti di dalam kontrak sewaan (عند اجل اجارة) Di dalam Maailah Al Anlam al Adilah ada menyatakan iaitu:

الاسكوت في اجل اجارة يعده قبولاً

maksudnya: sikap berdiam diri dalam kontrak iasaan dianggap sebagai penerimaan.⁵⁹

Betingal misalannya, sekiranya seseorang itu telah menyewa sebuah rumah dengan harga \$300.00 bagi tempoh sebulan. kemudian setelah beberapa bulan berlalu pihak tuan rumah berhasrat untuk menaikkan sewanya dan menyatakan bayaran sewa bagi bulan seterusnya adalah \$400.00, sekiranya anda tidak berminat maka anda bolehlah keluar. Sekiranya pihak penyewa masih tetap tinggal di rumah tersebut (bersikap berdiam diri) maka dia berkewajipan untuk membayar bayaran sewa yang baru itu.⁶⁰

menjanjikan ini adalah jelas bahawa di bawah undang-undang Islam, sikap berdiam diri terhadap sesuatu tawaran itu mungkin boleh dikira satu penerimaan yang boleh mewujudkan kontrak dan ianya hanya berlaku di dalam kendalian-kendalian dan hilangsi hilangsi kerianya sahaja.⁶³

Nampaknya kedudukan prinsip ini masuk berbaik dengan prinsip undang-undang kontrak yang memestikan penerima tawaran menyatakan persetujuannya kepada pihak yang membuat tawaran.⁶⁴ Ini bermakna mestilah wujud sesuatu tindakan penerimaan yang positif dari penerima. Terhalau menadiamkan diri atau tidak mengendalikan tawaran langsung tidak boleh dianggap sebagai penerimaan kerana tiada tindakan POSITIF.

Kedudukan perkara ini adalah amat jelas di bawah undang-undang kontrak bilamana kita mengkaji satu kes yang diputuskan dalam Negeri-negeri Selat dahulunya iaitu kes Fraser lawan Everett.⁶⁴

Dalam kes ini pemangku ketua Hakim Wood telah menyatakan bahawa

tidak terdapat kaedah undang-undang yang mengatakan bahawa dia itu erti bersetuju yang terpakai dalam kontrak-kontrak persaudagaran.

Malahan menurut prinsip undang-undang konttrak, seandainya pihak penawar menyatakan di dalam tawarannya bahawa tawaran itu boleh diterima secara berdiam diri, seandainya pihak penerima bersikap berdiam diri . maka menurut kaedah umumnya , pihak penerima tersebut adalah sama-sekali tidak terikat dengan tawaran itu.⁶⁵
 Begitu juga sekiranya pihak penawar menyatakan di dalam tawarannya:

Jika saya tidak menerima apa-apa berita dari anda dalam masa seminggu, saya akan menganggap bahawa anda telah menerima tawaran saya , maka di dalam situasi seperti ini, pihak penerima boleh sahaja tidak memperdulikan kenyataan itu dan dia sama-sekali tidak terikat di sisi undang-undang dengan tawaran itu.

Batu kes yang boleh menunjukkan penggunaan prinsip ini ialah kes *Sisithouse lawan Bindley*.⁶⁶

Dalam kes ini seorang pak cik (pihak penawar) telah membuat tawaran untuk membeli kuda milik anak saudaranya dengan harga Siuu di mana pak cik tersebut menyatakan di dalam surat tawarannya

Sekiranya saya tidak mendengar apa-apa dari anda maka saya akan menganggap anda menerima tawaran ini dan kuda tersebut menjadi hak milik saya dengan harga yang saya nyatakan

Anak saudara tersebut tidak membuat sebarang jawapan terhadap surat pak ciknya itu tetapi telah memberitahu kepada kepada seorang pelelong (defender) yang akan membuat satu perlelongan bahawa kuda tersebut tidak perlu dijual lagi di majlis perlelongan kerana beliau telah berniat untuk menjualnya kepada pak cik nya. Tetapi malangnya pelelong itu selain cuai laju menjual kuda tersebut kepada orang lain di suatu majlis perlelongan. Akibat dari pada itu, pak cik tersebut selain menyaman pelelong itu dengan mendakwa bahawa beliau telah menjual kuda itu yang telah pun menjadi hak miliknya.

Mahkamah telah memutuskan bahawa disebabkan anak saudaranya itu tidak membuat sebarang komunikasi penerimaan kepada pak ciknya i yak ni beliau tidak membala surat tawaran pak ciknya ; maka tidak wujudnya apa-apa kontrak dan akibatnya kuda itu bukanlah menjadi hak milik pak ciknya di hari perlelongan. Tuntutan pak ciknya (plaintif) dikira gagal.

apa yang nyatanya di bawah undang-undang kontrak sekiranya pihak penerima tidak berniat untuk menerima tawaran , beliau boleh sahaja berdiam diri dan keadaan yang demikian sudah cukup untuk dikira sebagai penolakan terhadap tawaran sekalipun pihak penawar menganggap sebaliknya.

NOTA KAKI FASAL KETIGA

1. Mahmood Bilal Mahrani, al Madkhal li Iurmati al Fiqh al Islami, (cetakan pertama) Kaherah : Darul al Saqafah al 'Arabiah, (tanpa tarikh), m.s. 313.
2. Ahmad Faraj Hussein, al Milkah wa Nazarinh al 'akdu fi Syari'ah al Islamiah, al Darul al Jamiatih, 1986, m.s. 136.
3. Mahmood Bilal Mahrani, op. sit., m.s. 313.
4. G. H. Treitel, The Law Of Contract, (cetakan kelima) London : Stevens and Sons, 1979, m.s. 13.
5. A. G. Guest, Anson's Law Of Contract, Clarendon Press Oxford, 1979, m.s. 34.
6. Mahmood Bilal Mahrani, op. sit., m.s. 320-321.
7. Isawi Ahmad 'Isawi, al Madkhal li al Fiqh al Islami, Tab'ah al Zikra, 1967-1968, m.s. 393.
8. Abdul Karim Zaidan, al Madkhal li Dirasati al Syari'ah al Islamiah, (cetakan kelapan) Beirut : Maktabah al Quds, 1985, m.s. 289.
9. Ibid.
10. Ibid.
11. Muhammad Yusof Musa, al Fiqh al Islami Madkhal li Dirasati Nizam al Mu'amalat Fihii, (cetakan ketiga) Kaherah : Darul al Kitab al 'Arabi, 1958, m.s. 324.
12. Begitu juga di dalam seksen 6 (c) akta kontrak Malaysia menyatakan bahawa "Ssesuatu tawaran adalah dibatalkan atas kemungkinan penerima untuk memenuhi syarat terdahulu mengenai penerimaan". Ini memaklumkan bahawa pihak penerima mestilah telah dapat memenuhi segala syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penawar untuk menjadikan penerimaannya sah.
13. Sila lihat huraian "Tawaran Balas" yang lalu.
14. Dr. Avtar Singh, Law Of Contract, (cetakan keempat) Lucknow : Eastern Book Company, 1985, m.s. 47.

15. P. S. Atiyah, An Introduction To The Law Of Contract, (cetakan ketiga) New York : Clarendon Press Oxford, 1981. m.s. 53.
16. Abdul Karim Zaidan, op. sit., m.s. 290.
17. Perlu disebut di sini bahawa perbicangan yang sedang diperkatakan di sini adalah berkaitan dengan kontrak yang berlaku di antara pihak-pihak yang hadir.
18. Badran Abu 'Ainain Badran, Tarikh al Fiqh al Islami wa Nazariyah al Milkiah wa al 'Ukud Lubnan : Darul an Nahdah al 'Arabiah, 1968. m.s. 371.
19. Ibid.
20. 'Isawi Ahmad 'Isawi, op. sit., m.s. 395.
21. Badrān, op. sit., m.s. 371. Perhatikan bahawa pendapat yang dipegang oleh golongan jumhur fukahak ini bersamaan dengan prinsip undang-undang kontrak Malaysia.
22. Ibid.
23. Seksyen 6 (b) ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam fasal keempat.
24. Muhammed Salam Madkur, al Fiqh al Islami al Madkhali wa al Amwal wa al Hukuk wa al Milkiah wa al 'Ukud, (cetakan kedua) Maktabah Abdullah Wahab, 1955. m.s. 366.
25. Abdul Karim Zaidan, op. sit., m.s. 290.
26. (1966) I SCR 656 : AIR 1966.
27. Atiyah, op. sit., m.s. 56.
28. Mengenai maksud kontrak al Ja'alah sila lihaturaian yang lalu.
29. Sayyid Abu Bakar Hashiah, I'aanah al Thalibin ala Hilli Alfaaz Fathi al Mu'in, (cetakan kedua) Mesir : Matba'ah Mustafa al Babiy al Halabiy, 1938. m.s. 123.
30. Sheikh Muhammad Khatib al Sharbini, Mughni al Muhtaj Juzuk kedua, Mesir : Maktabah Tijariah Kubro, 1955. m.s. 430.

31. Sayyid Sabiq, Fiqh as Sunnah, Jilid ketiga, (cetakan pertama) Beirut : Darul Kitab al 'Arabi, 1971, m.s. 352.
32. Anson's Law Of Contract, op. sit., m.s. 39.
33. (1893) 1 Q.B. 256
34. Wu Min Aun, Undang-undang Perdagangan Malaysia, (cetakan kedua) Selangor : Longman Malaysia Sdn. Bhd., 1987, m.s. 7
35. Anson's law of Contract, op. sit. 32-33.
36. Mahmood Bilal Mahrani, op. sit., 314-315.
37. Ibid, m.s. 317.
38. Muhammad Salam Madkur, op. sit. m.s. 374.
39. Lihat komentar Dr. Anwar Sulthon, Masadir al Iltizami al Mujiz fi Nazariyah al 'Ammah li al Iltizam, Darul Nahdah al 'Arabiah, 1983, m.s. 85.
40. Ibid.
41. Abdul Fattah Abdul Baqi, Nazarish al 'Akdi wa al Irādah al Munfaridah, 1984, m.s. 159.
42. Ibid, m.s. 180.
43. (1955) 2 Q.B. 327.
44. (1913) 2. F.M.S.L.R. 115.
45. Abdul Fattah, op. sit. m.s. 140.
46. Lihat huraian yang lalu.
47. Muhammad Rashid Redha, Tafsir al Manar, (cetakan kedua), Juzuk keenam, Beirut : Darul Makrifah, (tanpa tarikh), 121.
48. Subhi Mahmaasani, Nazariyah al 'Ammah li al Mujibat wa al 'Ukud fi Syari'ah al Islamiah, (cetakan kedua) Beirut : Darul 'Ilm, 1972, m.s. 305.
49. Sayyid Sabiq, Fiqh as Sunnah, Jilid ketiga, (cetakan pertama) Beirut : Darul al Kitab al 'Arabi, 1971, m.s. 240.

50. Subhi Mahmaasani, op. sit. m.s. 305.
51. G.H. Treitel, op. sit. m.s. 14.
52. Chitty on Contract. Volum satu, (cetakan kedua puluh empat) London : Sweet and Maxwell, 1977, m.s. 27.
53. Ibid.
54. Abdul Karim Zaidan, op. sit. m.s. 299.
55. Ahmad Farraj Hussein, op. sit. , m.s. 145.
56. Subhi Mahmaasani, op. sit. , m.s. 309.
57. Abdul Karim Zaidan, op. sit. , m.s. 299.
58. Ahmad Farraj Hussein, op. sit. , m.s. 145.
59. Subhi Mahmaasani, op. sit. , m.s. 304.
60. Ibid. m.s. 310.
61. Ibid.
62. Abdul Karim Zaidan, op. sit. , m.s. 299.
63. Lihat seksen 2 (b) Akta kontrak Malaysia.
64. (1889) 4 Ky. 512.
65. G. H. Treitel, An Outline Of The Law Of Contract. (cetakan kedua) London : Butterworths, 1979. m.s. 16.
66. (1862) 11 CBNS 869.